

UMS rai Komuniti Antarabangsa UMS

UB 18.4.2011 P.15

Oleh **NIK JASNI CHE JAAFAR**
nikjasni.ub@gmail.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) malam kelmarin meraikan lebih 500 kakitangan dan pelajar antarabangsa yang kini sedang mengajar dan menuntut di universiti itu.

Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata, daripada jumlah berkenaan, seramai 394 adalah pelajar peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran dalam pelbagai bidang manakala kakitangan antarabangsa pula adalah seramai 127 orang.

Beliau berkata, kehadiran komuniti antarabangsa ini bukan sahaja memberikan manfaat kepada universiti malah negara secara keseluruhannya.

"Bagi penduduk di negeri ini, kehadiran komuniti antarabangsa ini membuka peluang perniagaan bagi mereka terutamanya melibatkan makanan, pengangkutan dan pelancongan.

"Memandangkan kedatangan komuniti antarabangsa ini membuka peluang perniagaan kepada mereka, saya menyeru agar para penyedia perkhidmatan memberikan perkhidmatan terbaik kepada komuniti antarabangsa ini," katanya ketika merasmikan Makam Malam Antarabangsa untuk Komuniti Antarabangsa UMS di sini, kelmarin.

Turut hadir, Ketua Konsul Jepun, Minmoru Kikuchi dan Konsul Jeneral Republik Indonesia, Bapak Soepeno Sahid.

Katanya, pelajar antarabangsa dari pelbagai negara seperti China, Turki, Indonesia, Brunei dan Filipina serta telah menunjukkan pencapaian yang baik dalam bidang masing-masing.

"Sebagai contoh, pelajar China, Zhang Chen telah mendapat kelas satu dalam sarjana muda Ekonomi Kewangan selain Presiden Komuniti Antarabangsa UMS sendiri, Xia Kai Di yang meraih emas dalam pertandingan sukan taekwando," katanya.